



## KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	METRO AHAD
TARIKH	:	21/7/2019
JABATAN	:	PERHILITAN
KLASIFIKASI	:	PERHILITAN

Mohd Janatul Anbia Md Denin  
anbia@metro.com.my

**Kuala Lumpur**

“Dia (harimau belang) mungkin mengalami kecelaruan identiti atau masalah psikologi. Mungkin dia (harimau) tertupa bahawa dia adalah harimau,” ujar Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Semenanjung Malaysia Datuk Abdul Kadir Abu Hashim berhubung tindakan pelik seekor harimau jantan yang menjilat dua penduduk di Kampung Besul Lama, Bukit Besi, Terengganu.

Dalam kejadian Khamis lalu, harimau dewasa seberat 130 kilogram itu ditemui berkeluaran di kampung itu sebelum menjilat Mohamad Harun, 61, yang sedang memperbaiki rumahnya bersa-

# PAK BELANG

## CELARU

### IDENTITI

#### Tindakan harimau jilat dua penduduk aneh

ma = seorang anak berusia 22 tahun.

Harimau sama kemudian menjilat seorang lagi penduduk, Abdul Fatah Wan A Rahman, 68, selepas mangsa terjatuh ketika melihat harimau itu pada jam 3 petang hari sama.

Katanya, kelakuan aneh karnivor itu luar dari kebiasaan berketuhan harimau tergolong sebagai haiwan liar.

“Harimau adalah haiwan karnivor dan pemangsa ag-

resif. Apa yang berlaku terhadap dua penduduk yang dijilat tanpa diceritakan itu adalah luar biasa.

“Ada kemungkinan harimau itu menghadapi masalah mental atau psikologi. Perkara ini tidak mustahil kerana hidupan liar juga mampu berdepan masalah emosi sama seperti manusia,” katanya.

Menurutnya, dia sudah mendapat laporan awal perubahan daripada pasukan pegawai veterinar dan kakitangan Perhilitan yang berada di lokasi.

“Harimau yang ditangkap petang semalam (kelembutan) akan menjalani rawatan dan pemeriksaan lanjut.

“Mamalia itu berjaya di-kesan dan ditangkap anggota



**ABDUL KADIR**

Perhilitan sekitar jarak 300 meter dari kawasan hutan kampung itu,” katanya.

Berdasarkan pemeriksaan awal sejurus ditangkap, harimau itu didapati dalam keadaan sihat tanpa kecederaan.

Ditanya kemungkinan harimau itu dibela individu tertentu menyebabkan ke-lihatan jinak, Kadir memaklumkan perkara itu turut di- siasat.

#### Dungun Kambing umpan tangkap harimau

Seekor kambing hidup dijadikan umpan bagi menangkap seekor lagi harimau yang berkeluaran di Kampung Besul Lama, Bukit Besi, semalam.

Operasi hari ketiga itu bermula jam 9 pagi memabihkan sembilan anggota jabatan

Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Terengganu.

Ketua Pengarah

Perhilitan Datuk Dr Abdul Kadir Abu Hashim berkata, sebanyak dua perangkap ditambah, semalam

menjadikan keseluruhan empat perangkap diletakkan di empat lokasi di kawasan hutan berhampiran kampung berkenaan.